

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1 Jld.4()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 4 TAHUN 2023**

Tarikh : 18 April 2023 (Selasa)
Masa : 10.00 pagi – 11.50 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga, Aras 2
Bangunan MBSJ
Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Syed Fadleindra bin Syed Alias, Pengacara Majlis.

2.0 TAYANGAN PROGRAM MAJLIS BULAN APRIL 2023

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan April 2023 dipaparkan kepada ahli mesyuarat.

3.0 PERUTUSAN TIMBALAN DATUK BANDAR

Timbalan Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya yang keempat bagi tahun 2023. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti berikut :

- i) Timbalan Datuk Bandar berkongsi beberapa amanat yang telah disampaikan oleh Pemimpin Malaysia. Amanat pertama daripada YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia berkenaan ucapan dalam perjumpaan bersama warga kerja bagi bulan April pada 3 April 2023 di Dewan De' Seri Endon Puspanitapuri, Putrajaya.

Perdana Menteri mengingatkan supaya penjawat awam perlu memupuk semangat berpasukan, tadbir urus serta imej baik bagi menjamin masa depan Malaysia yang lebih cerah. Beliau turut menyarankan agar semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan menganjurkan majlis tazkirah singkat pada waktu zohor sepanjang bulan Ramadan ini.

MBSJ menyokong saranan tersebut dan sepanjang bulan Ramadan sesi tadarus Al-Quran dilaksanakan semasa waktu rehat dan selepas Ramadan Kelas Pengajian Al-Quran akan diteruskan setiap hari Isnin dan Khamis pada waktu rehat di Surau Ar Raudah MBSJ.

- ii) Timbalan Datuk Bandar juga memaklumkan berkenaan Majlis Rapat Rahmah Ramadan YAB Menteri Besar Selangor Bersama Penjawat Awam Negeri Selangor pada 31 Mac 2023 bertempat di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Abdul Aziz, Shah Alam.

Dalam majlis tersebut YAB Menteri Besar telah mengumumkan anggota perkhidmatan Kerajaan Negeri akan menerima Bantuan Khas Kewangan (BKK) sempena Hari Raya sebanyak 1 bulan gaji atau minimum RM1,000.00. Tidak terkecuali juga Ahli Majlis PBT turut menerima BKK sebanyak sebulan elaun. MBSJ juga turut memberikan BKK sebanyak RM 1,000.00 kepada Pembantu Ahli Majlis MBSJ.

Bantuan khas ini diberikan sebagai menghargai usaha serta komitmen penjawat awam yang tidak mengenal erti penat bersama-sama memakmurkan Negeri dan berharap dapat memberikan kelegaan, menambah semangat sekaligus meneruskan momentum sedia ada kepada semua warga kerja.

Warga kerja MBSJ mengucapkan syukur dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri di atas pemberian insentif ini yang telah diterima pada 14 April yang lepas.

- iii) Timbalan Datuk Bandar memaklumkan berkenaan Program Sambutan Hari Raya Peringkat Majlis Bandaraya Subang Jaya yang akan diadakan pada 3 Mei 2023 (Rabu) bertempat di

Bangunan MBSJ bermula jam 12.00 tengah hari hingga 3.00 petang.

- iv) Seterusnya pemakluman berkenaan Program Jelajah Aidilfitri Negeri Selangor Peringkat Daerah Petaling yang akan diadakan pada 6 Mei 2023 (Sabtu) bertempat di Tapak Pasar Malam Paya Jaras, Sungai Buloh, Seksyen U19, Shah Alam, Selangor. Semua penduduk dijemput hadir bagi memeriahkan program ini.
- v) Seterusnya, MBSJ akan melaksanakan Program Subang Jaya Coffee Talk yang merupakan program mingguan, diadakan secara langsung menerusi platform *facebook* MBSJ pada setiap hari Selasa jam 12.30 tengahari dengan membawa ikon dan tokoh dalam pelbagai bidang bagi mengupas isu serta persoalan bagi tontonan komuniti yang menonton dengan tema program “Hari Ini Lebih Baik Daripada Semalam”.

Program Subang Jaya Coffee Talk pada 18 April 2023 akan membawakan panelis Puan Juariah binti Hj.Johari, Penasihat Pertubuhan Kelainan Upaya Pembelajaran Gold dengan topik ‘Inisiatif Gold dalam pembentukan anak-anak kelainan upaya pembelajaran’.

Manakala pada 25 April 2023 pula akan menampilkan panelis Puan Lee Jen Uyin, Ahli Majlis MBSJ dengan topik ‘Kerjasama Majlis Perwakilan Penduduk Dan NGO Ke Arah Pembangunan Mampan’.

- vi) Timbalan Datuk Bandar turut memaklumkan berkenaan Program Selamat Pagi Subang Jaya - Hari Tanpa Kenderaan akan diadakan pada 7 Mei 2023 (Ahad) bertempat di hadapan Aeon Big Subang Jaya dan Subang Parade.

Dalam program kali ini, beberapa aktiviti tambahan akan berlangsung bagi menarik ramai pengunjung menyertai program ini antaranya Perlumbaan Basikal Kriterion, Pasar Karat, Pertandingan Karaoke, *Basket King Of The Street*, *Street Soccer* dan pelbagai lagi aktiviti riadah akan dijalankan.

Selain daripada itu, aktiviti larian santai, berjalan santai, berbasikal santai, Pesta Sarapan, *Foodtruck Makanan Non Muslim*, *Eco Free Market*, pemeriksaan kesihatan percuma, pameran agensi, aktiviti memanah, *rope repelling* serta cabutan bertuah akan diadakan seperti biasa.

- vii) Timbalan Datuk Bandar juga memaklumkan mengenai situasi semasa demam denggi di MBSJ. Sehingga Minggu Epid 15 iaitu antara 9 April 2023 hingga 15 April 2023, terdapat sebanyak 2,253 kes positif demam denggi di kawasan pentadbiran MBSJ berbanding dengan 1,189 kes dalam tempoh sama pada tahun 2022 menunjukkan peningkatan sebanyak 1,064 kes melibatkan 12 lokaliti hotspot denggi di kawasan pentadbiran MBSJ dengan 9 lokaliti adalah di kawasan kediaman bertingkat.

Sehubungan dengan itu, pihak pengurusan kediaman bertingkat dan masyarakat diminta untuk terus memastikan kawasan dan persekitaran premis masing-masing bersih dan bebas daripada tempat pembiakan aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit seminggu sekali mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan.

- viii) Pengerusi turut mengambil peluang mewakili warga kerja MBSJ mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri yang dijangka akan disambut pada 22 April 2023 kepada semua komuniti, Ahli Majlis dan Warga Kerja MBSJ yang meraikannya.

Semoga sambutan tahun ini akan membawa lebih kebahagiaan dan keharmonian dalam kehidupan kita semua.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 3/2023

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil.3/2023 bertarikh 29 Mac 2023 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 3/2023

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil.3/2023 bertarikh 29 Mac 2023 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

6.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 2/2023 bertarikh 4 April 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 2.2.5 & m/s 4	Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim	Laporan Pengurusan Aduan mengikut DUN	<p>Beliau mencadangkan laporan aduan mengikut DUN dipecahkan juga kepada mengikut MPP dan dimasukkan peratusan penyelesaian aduan.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan cadangan yang diutarakan dan meminta Jabatan membuat pelaporan dalam mesyuarat akan datang.</p> <p>Tindakan: Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
2.	Para 2.2.10 & m/s 8	Encik Thamilarusu a/l Sandayan	Laporan Pengurusan Aduan Sistem SISPAA	<p>Beliau mencadangkan supaya latihan diberikan kepada pembantu Ahli Majlis berkenaan Sistem SISPAA.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan cadangan yang diutarakan dan latihan akan diberikan kepada pembantu Ahli Majlis.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan: Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik</p>

6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 6/2023 bertarikh 30 Mac 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 4.9 &	Encik Wan	Kertas Kerja :	Beliau mencadangkan supaya

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
	m/s 39	Shukri bin Wan Mustapha	66/06/26/2023	<p>Majlis melaksanakan kajian impak trafik dan membuat kajian terperinci supaya kawasan kampung menjadi perancangan yang terancang.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan cadangan tersebut dan perancangan di kawasan kampung akan diteliti.</p> <p>Tindakan: Jabatan Kejuruteraan</p>

6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 7/2023 bertarikh 6 April 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 4/2023 bertarikh 10 April 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 4/2023 bertarikh 11 April 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 4/2023 Bertarikh 11 April 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 6.1 & m/s 7	Encik Yap Kok Weng	Kertas Cadangan	Beliau mencadangkan supaya cadangan ini diteliti kerana

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
			Pengurusan Sisa Perdagangan di Kawasan Komersial Majlis Bandaraya Subang Jaya	<p>akan mendatangkan isu kepada perniagaan yang menghasilkan sisa dalam kuantiti yang kecil seperti kedai membaiki kereta dan lain-lain.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat meminta Jabatan meneliti cadangan tersebut.</p> <p>Tindakan: Jabatan Pengurusan Alam Sekitar</p>

6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 4/2023 Bertarikh 12 April 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 3.3 & m/s 3	Encik Yap Kok Weng	Cadangan Memberikan	Beliau mencadangkan supaya Majlis mempertimbangkan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
			Permit Aktiviti Memancing	<p>pengeluaran permit bagi aktiviti memancing di beberapa kolam milik Majlis yang bersesuaian.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat meminta Jabatan Landskap mengkaji cadangan tersebut serta menyemak undang-undang kecil yang berkaitan.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan: Jabatan Landskap</p>
2.	Para 3.5 & m/s 3	Puan Lee Jen Uyin	Nursery Baihuacun	Beliau memaklumkan bahawa terdapat aduan daripada penduduk setempat berkenaan masalah lalat dan memohon Majlis membuat semakan sama ada masalah ini disebabkan oleh penggunaan baja daripada Nursery Baihuacun.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				Maklum balas mesyuarat: Mesyuarat meminta Jabatan menyemak punca masalah lalat tersebut. Tindakan: Jabatan Landskap

7.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT

7.1 Kertas Makluman Pembentangan Draf Penyata Kewangan MBSJ Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 (Kertas Mesyuarat Bil.7/4/2023)

Kertas makluman ini telah disediakan oleh Jabatan Perbendaharaan dan dibentangkan oleh Tuan Haji Mohd Fadzil bin Mahat, Pengarah Perbendaharaan MBSJ.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat menerima kertas makluman pembentangan Draf Penyata Kewangan MBSJ bagi tahun berakhir 31 Disember 2022.

Tindakan :
Jabatan Perbendaharaan

8.0 UCAPAN PENANGGUHAN

Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Tarmizi bin Lazim, wakil daripada Parti DAP.

9.0 PENUTUP

Timbalan Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.50 pagi.

Tarikh Disediakan : 19 April 2023

" SELANGOR MAJU BERSAMA "

" MALAYSIA MADANI "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

(IR. ROSLI BIN MOHAMMAD YUNUS), K.M.N , P.J.K

Timbalan Setiausaha

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.

Timbalan Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

LAMPIRAN

HADIR

1. YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S. - Pengerusi
Timbalan Datuk Bandar
2. YBrs. Tuan Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, K.M.N., P.J.K. - Setiausaha
Timbalan Setiausaha Mesyuarat

HADIR (AHLI MAJLIS)

1. Encik Yap Kok Weng - Ahli Majlis
2. Encik M. Anbarasan a/l Murugesu - "
3. Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim - "
4. Encik Thomas Low Yew Sin - "
5. Encik Mohon Singh a/l Surtar Singh - "
6. Encik Mehanatan a/l Embamurthi - "
7. Encik Chia Yew Ken - "
8. Encik Thamilarusu a/l Sandayan - "
9. Encik Teh Eng Teck - "
10. Puan Lee Jen Uyin - "
11. Puan Ng Seow Chen - "

12.	Encik Thong Kim Fatt	-	"
13.	Encik Mohd Tarmizi bin Lazim	-	"
14.	Encik Wong Yii Seang	-	"
15.	Encik Kamarul Hafiz bin Kamarudin	-	"
16.	Puan Sarawati binti Mukhtar	-	"
17.	Encik Tah Yap Keong	-	"
18.	Encik Ahmad Danish bin Hairudin	-	"
19.	Puan Tanujah a/p Debul Singh	-	"
20.	Encik Muhammad Fauzan bin Rosli	-	"
21.	Encik Wan Shukri bin Wan Mustapha	-	"
22.	Encik Khairol Basri bin M.Arif	-	"
23.	Encik Parithi Vaanan a/l Ramasamy	-	"

TURUT HADIR (PEGAWAI MBSJ)

1. Tuan Haji Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
2. Tuan Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan
3. Tuan TPr Ismail bin Muhamad, A.I.S
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar

4. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
5. Puan Hajah Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
6. Sr. Aida binti Omar, A.M.S., MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
7. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
8. Encik Muhammad Azli bin Miswan, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
9. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Pengarah, Jabatan Pelesenan
10. Puan Hajah Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
11. Puan Ts Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
12. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
13. Sr. Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
14. Puan Sarina binti Saad
Pengarah, Jabatan OSC
15. Sr. Mohd Marwan bin Khalilludin
Pengarah, Jabatan COB
16. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

17. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
18. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah Kanan, Unit Audit Dalam
19. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti
20. Encik Mohamad Asmadi bin Nor Hatim
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. Encik Pravin a/l Murali - Ahli Majlis

URUS SETIA

1. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan